

DATE: 9/12/2009

Malaysia-Indonesia ada banyak peluang kerjasama - Dr. Mahathir

um-9/12/09

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Malaysia dan Indonesia mempunyai banyak peluang untuk bekerjasama dalam pelbagai aspek terutama ekonomi, namun ia tidak digunakan dengan sebaik-sebaiknya.

Sebaliknya, wujud pelbagai isu yang menyebabkan berlaku pertelingkahan di antara kedua-dua negara.

Menurut bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, hubungan kedua-dua negara itu sepatutnya sudah erat sejak lama dahulu dan boleh dianggap sebagai sebuah keluarga yang berada dalam rumpun sama.

"Kita ada banyak persamaan seperti bahasa. Kalau bahasa kita sama, salah faham antara kita tidak sepatutnya berlaku.

"Tetapi entah kenapa selepas merdeka, wujud pelbagai isu dan masalah dalam hubungan kita ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap-tama pada Seminar Merangka Kerjasama Ekonomi Malaysia-Indonesia dalam Menghadapi Krisis Global: Peluang dan Cabaran dari Perspektif Media dan

Perniagaan di sini hari ini.

Seminar sehari yang turut dihadiri Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Tan Sri Da'i Bachtiar itu dianjurkan oleh Ikatan Setia Kawan Wartawan Malaysia Indonesia (ISWMI).

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin apabila Malaysia dan Indonesia bergabung untuk bersatu, suara kedua-dua negara akan lebih lantang dan dihormati sekali gus ia akan turut memberi kesan kepada jirannya di dalam ASEAN.

Katanya, Malaysia dan Indonesia tidak boleh bermusuhan walaupun dalam soal kecil kerana ia tidak memberi faedah melainkan kepada pihak ketiga yang mahu melihat kedua-dua negara itu bertelingkah sesama sendiri.

"Ada orang lain yang sedang menunggu peluang untuk melihat kita bergaduh kerana ini akan memberi keuntungan kepada mereka," katanya.

Sehubungan itu, katanya, pelbagai pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan hubungan kedua-dua negara terus terjalin

tanpa timbulnya sebarang masalah seperti yang berlaku sebelum ini.

Katanya, media dari kedua-dua negara adalah pihak yang memainkan peranan paling penting dalam usaha mewujudkan hubungan yang lebih harmoni itu.

Beliau berkata, media kedua-dua negara perlu menjalinkan hubungan erat bagi memastikan apa juga laporan mengenai Malaysia dan Indonesia dapat sampai kepada rakyat tanpa wujud sebarang salah faham.

Dr. Mahathir berkata, peranan media di kedua-dua negara itu akan menyelamatkan lebih banyak situasi di negara ini dan juga yang melibatkan Indonesia.

"Saya yakin, media di kedua-dua negara ini bertanggungjawab dan sensitif terhadap keperluan negara masing-masing dan juga dalam mewujudkan hubungan yang lebih baik.

"Jika ada kerjasama yang lebih erat antara media, rakyat juga akan ada persepsi yang baik dan segala konflik atau masalah tidak akan timbul," katanya.